



Peraduan Purina Felix GAWAI & KAAMATAN

TERMA DAN SYARAT

A: Jadual Syarat Penyertaan

Penganjur	PURINA PETCARE (M) SDN. BHD (200201013615 (581278-K))
Peraduan	Peraduan Purina Felix Gawai & Kaamatan
Tempoh Peraduan	Peraduan ini bermula pada pukul 00:00:00 pada 1 ^{hb} Mei 2021 dan ditutup pada 23:59:59 pada 31 ^{hb} Julai 2021.
Kelayakan	Peraduan ini terbuka untuk semua penduduk sah Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada awal Tempoh Peraduan.
Kaedah Penyertaan	<p>Penyertaan Melalui WhatsApp</p> <ol style="list-style-type: none">1. Untuk Menyertai Peraduan ini, beli mana-mana produk PURINA Petcare yang mengambil bahagian seperti yang tertera dalam perenggan 6 di bawah ini ("Produk") bernilai minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) ("Nilai Minimum") dalam satu resit ("Bukti Pembelian") yang dikeluarkan oleh mana – mana kedai di Sabah dan Sarawak yang mengambil bahagian dalam Tempoh Peraduan.2. Tulis di bahagian depan Resit asal ("Bukti Pembelian"), nama penuh anda (mengikut MyKad), nombor MyKad dan alamat e-mel (jika ada); <i>Contoh: Bujang Bin Along, 570831-08-5673 , BBAlong@gmail.com ("Penyertaan ").</i>3. Hantar gambar Bukti Pembelian yang jelas melalui aplikasi WhatsApp ke 013-692 8572.4. Penyertaan tanpa alamat e-mel masih diterima.5. Pihak Penganjur tidak akan menghantar laporan penerimaan penyertaan bagi setiap Penyertaan yang diterima.6. Senarai Produk yang mengambil bahagian :<ol style="list-style-type: none">a. Semua FELIX SKUs (AGAIL & Sensations Jellies Range)b. Semua FANCY FEAST SKUs (Dry, Royale, Inspirations, Broth)c. Semua FRISKIES SKUs (Dry Range & Treats – Party Mix)d. Semua PURINA ONE SKUs (Dry Range)7. Untuk setiap pembelian Nilai Minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan dikira sebagai (1) satu penyertaan di mana satu (1) nombor bersiri akan diberikan secara automatik.8. Penyertaan di mana Pembelian melebihi Nilai Minimum dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan diberi nombor bersiri tambahan secara automatik berdasarkan setiap pemenuhan Nilai Minimum.<ol style="list-style-type: none">a) Bukti Pembelian dengan nilai pembelian Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40) Produk PURINA PetCare , dua (2) nombor bersiri akan diperuntukkan.

	<p>b) Bukti Pembelian dengan nilai pembelian Ringgit Malaysia Enam Puluh (RM60) Produk PURINA PetCare, tiga (3) nombor bersiri akan diperuntukkan.</p> <p>9. Peserta yang sama boleh menyertai lebih dari satu penyertaan semasa Tempoh Peraduan mengikut terma dan syarat ini.</p> <p>10. Pihak Penganjur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Resit bertulisan tangan , Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p>11. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</p>
<p>Tarikh Akhir Penyertaan</p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 31^{hb} Julai 2021. Sebarang Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan terbatal secara automatik.</p> <p>Untuk penyertaan Mingguan , penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum atau pada 23:59:59 hari terakhir pada Jadual Peraduan di bawah.</p>
<p>Perincian Pengadilan</p>	<p>Pengesahan Penyertaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar jelas Bukti Pembelian yang menunjukkan Produk, nombor resit, tarikh pembelian, nilai pembelian dan nama serta lokasi cawangan atau kedai. 2. Kesahihan tarikh pembelian. 3. Tiada perubahan dilakukan pada resit dalam apa cara; nama kedai, barang belian, harga dan tarikh pembelian. 4. Resit bertulisan tangan , Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian. <p><u>Pemenang yang disenarai pendek</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setelah Penyertaan disahkan, pemenang yang disenarai pendek akan dipilih berdasarkan kaedah pemilihan nombor siri dan akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp dari nombor Peraduan 013-692 8572 untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah : <p>" Produk PURINA yang turut serta di dalam peraduan ini adalah FRISKIES, FELIX, FANCY FEAST & PURINA ONE " . (Betul/Salah)</p> <p>Pemenang yang disenarai pendek mesti menjawab dan memberikan jawapan yang betul dalam masa dua hari dari Notis Pemberitahuan Soalan Peraduan yang ditetapkan agar layak memenangi hadiah tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pelucutan peluang memenangi hadiah tersebut. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi dengan apa jua alasan.</p>

	<p>2. Setelah Penganjur menerima jawapan yang betul daripada pemenang yang disenarai pendek , Pemenang Layak akan dihubungi melalui WhatsApp yang bernombor 013-692 8572 untuk pemberitahuan jawapan betul yang diberi dan juga untuk mendapatkan alamat penghantaran hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan butir-butir tersebut dalam masa dua hari dari Notis Pemberitahuan Soalan Peraduan akan mengakibatkan pelucutan peluang memenagi hadiah tersebut .Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan.</p>
<p>Hadiah</p>	<p><u>Jadual Peraduan</u></p> <p>Sebanyak 53 Penyertaan akan dipilih untuk memenangi hadiah mengikut jadual berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Minggu 1: 01^{hb} Mei 2021 ke 07^{hb} Mei 2021 • Minggu 2: 08^{hb} Mei 2021 ke 14^{hb} Mei 2021 • Minggu 3: 15^{hb} Mei 2021 ke 21^{hb} Mei 2021 • Minggu 4: 22^{hb} Mei 2021 ke 28^{hb} Mei 2021 • Minggu 5: 29^{hb} Mei 2021 ke 04^{hb} Jun 2021 • Minggu 6: 05^{hb} Jun 2021 ke 11^{hb} Jun 2021 • Minggu 7: 12^{hb} Jun 2021 ke 18^{hb} Jun 2021 • Minggu 8: 19^{hb} Jun 2021 ke 30^{hb} Jun 2021 • Minggu 9: 1^{hb} Julai 2021 ke 7^{hb} Julai 2021 • Minggu 10: 8^{hb} Julai 2021 ke 14^{hb} Julai 2021 • Minggu 11: 15^{hb} Julai 2021 ke 21^{hb} Julai 2021 • Minggu 12: 22^{hb} Julai 2021 ke 31^{hb} Julai 2021 <p><u>Hadiah</u></p> <p>Hadiah Utama : 5 x Kotak Tandas Kucing Automatik KUKUFIFI yang bernilai RM 1,800</p> <p>Hadiah Mingguan : 6 x Produk PURINA Petcare bernilai RM 200 (x 12 Minggu)</p> <p>Senarai nama pemenang juga akan diumumkan di laman sesawang Penganjur di https://www.facebook.com/PetsDistrictMY/</p> <p>Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum dua (2) hadiah sahaja, dalam tempoh Peraduan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 x Hadiah Mingguan dan 1 x Hadiah Utama <p>KAEDAH PEMILIHAN PEMENANG:</p> <p>Hadiah Utama : 5 x Kotak Tandas Kucing Automatic KUKUFIFI yang bernilai RM 1,800</p> <p>Terdapat lima [5] Kotak tandas kucing automatik KUKUFIFI bernilai RM 1,800 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p>

	<p>Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Pemenang yang disenarai pendek yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan (contoh; 10,500 nombor siri) ÷ jumlah hadiah yang diperuntukkan = nombor siri penyertaan yang menang ,sebagai contoh ;</p> <p>$10,500 \div 5 = \underline{2100^*}$</p> <p>Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-2100* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 2100. Contoh nombor bersiri yang akan disenarai pendek sebagai pemenang; *2100*, 4200*, 6300* dan seterusnya.</p> <p>Seramai 5 PEMENANG akan dipilih untuk sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat.</p> <p>Hadiah Mingguan : 6 x Produk PURINA Petcare bernilai RM 200 (x 12 Minggu)</p> <p>Terdapat enam [6] x produk PURINA Petcare bernilai RM 200 yang akan dimenangi setiap minggu selama 12 minggu.</p> <p>Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Pemenang yang disenarai pendek yang diterima untuk setiap Tempoh Minggu Peraduan (contoh; 1,200 nombor siri) ÷ jumlah hadiah yang diperuntukkan = nombor siri penyertaan yang menang, sebagai contoh ;</p> <p>$1,200 \div 6 = \underline{200^*}$</p> <p>Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-200* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 200. Contoh nombor bersiri yang akan disenarai pendek sebagai pemenang ; 200*, 400*, 600*, 800* dan seterusnya.</p> <p>Seramai 6 PEMENANG akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.</p> <p>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat</p> <p>Semua pemenang yang disenarai pendek akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp ke nombor yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah dengan betul dalam jangka masa yang ditetapkan untuk layak memenangi hadiah tersebut.</p>
<p>Tarikh Tuntutan/ Serahan Hadiah</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadiah akan dihantar kepada para pemenang oleh Penganjur dalam masa 6 hingga 8 minggu selepas tamatnya Peraduan; 31^{hb} Julai 2021 2. Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah Fasal ini atas alasan yang berada di luar kawalan Penganjur. 3. Hadiah mesti dituntut dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman atau notis mengenai tuntutan Hadiah yang mana dulu,kegagalan mematuhi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.

	<p>4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian hadiah kerana keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan kekerasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya wabak) dan untuk sebarang kecuaiian oleh pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, tugas dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat-syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.purina.com.my/> secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.
- 6. Hadiah**
- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketentuan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, PURINA Petcare (M) Sdn. Bhd., para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya dimana tertera di dalam Akta Syarikat 2016, tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai “**Peraduan Purina Felix Gawai & Kaamatan**”, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di <https://www.facebook.com/PetsDistrictMY/>
- 12.2 By participating in the “**Peraduan Purina Felix Gawai & Kaamatan Contest**”, the Participant agrees to the processing of the Participant’s Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in <https://www.facebook.com/PetsDistrictMY/>